



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***SEMANTIK HUJAN DALAM AL-QURAN
BERDASARKAN KONTEKS SITUASI***

ASRUL AZAM BIN SHAFIE

FBMK 2018 29



**SEMANTIK HUJAN DALAM AL-QURAN
BERDASARKAN KONTEKS SITUASI**

Oleh

ASRUL AZAM BIN SHAFIE

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

SEMANTIK HUJAN DALAM AL-QURAN BERDASARKAN KONTEKS SITUASI

Oleh

ASRUL AZAM BIN SHAFIE

Januari 2018

Pengerusi : Mohd Sukki bin Othman, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini merupakan satu kajian analisis teks yang dilaksanakan terhadap kitab al-Quran bertujuan untuk menjelaskan Semantik dan Konteks Situasi Hujan dalam al-Quran. Pendekatan kontekstual dalam ilmu bahasa telah diaplikasi untuk mendapatkan unsur konteks situasi yang melingkungi ayat-ayat berkaitan hujan yang terdapat dalam al-Quran. Sebanyak 12 perkataan yang menggambarkan hujan terdapat dalam al-Quran. Sejumlah 49 ayat menggambarkan hujan secara hakiki manakala 28 ayat secara metafora diambil sebagai sampel kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan analisis teks. Pendekatan Teori Semiotik Sosial Halliday (1978) dipilih sebagai kerangka asas kajian untuk analisis teks. Setiap perkataan akan dianalisis untuk mengenal pasti makna asas dan sampingan dalam Bahasa Arab. Seterusnya ayat-ayat yang mengandungi perkataan yang menggambarkan hujan akan dianalisis berdasarkan tiga unsur konteks situasi yang dikemukakan oleh Halliday iaitu Medan, Pelibat dan Sarana. Hasil kajian menunjukkan bahawa Konteks Situasi hujan dalam al-Quran terbahagi kepada dua iaitu azab dan kekuasaan Allah. Kekerapan situasi azab ialah 87% daripada variasi perkataan *matar* dan 18% daripada keseluruhan semantik hujan dalam al-Quran. Sehubungan itu, semantik hujan secara amnya digunakan sebagai pengajaran untuk menunjukkan kekuasaan Allah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

SEMANTIC OF RAIN ACCORDING TO SITUATIONAL CONTEXTS IN THE HOLY QURAN

By

ASRUL AZAM BIN SHAFIE

January 2018

Chairman : Mohd Sukki bin Othman, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research is a study conducted on the Holy Qur'an aimed at explaining semantics and situational contexts of rain in the Qur'an. The contextual approach in linguistic discipline has been applied to analyze Quranic verses containing the rain terms. A total of 12 terms describing rain show in the Qur'an. A total of 49 verses depicts rain essentially while 28 verses are metaphorically taken as research's samples.

The research method used is literature study and text analysis. The Halliday's Social Semiotic Theory (1978) approach was chosen as the basis for the study of text analysis. Each word will be analyzed to identify the basic and side meaning in Arabic. Next paragraphs containing words that describe the rain will be analyzed based on the three elements of the situation context presented by Halliday; Field, Participant and Mode. The results show that the Context of the rain situation in the Qur'an is divided into two, namely the punishment and the power of God. The frequency of the punishment situations is 87% of the variation of the word *maṭar* and 18% of the overall semantic rain in the Koran. Hence, semantic rain is generally used as a lesson to demonstrate the power of God became the main reference of Field's elements in the context of the situation. The results show that there is a relationship between the context of the situation and the word rain in the Qur'an. The findings also show that contextual situations can help the context of language in determining the meaning of the word. Furthermore, the accuracy of the selection of each word in the Qur'an is evident as it is irreplaceable even though it has the same meaning. The findings of this study are expected to contribute to enhancing the study of Arabic and Quran in this country.

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد،

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Mohd Sukki bin Othman dan Dr. Muhd. Zulkifli Ismail yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja-kerja penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan yang telah memberikan saya peluang untuk menyambung dan membiayai penuh pengajian saya selama dua tahun di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Awam Kota Bharu dan Perpustakaan Awam Kuala Lumpur yang telah memberikan pelbagai bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak SMKA Falahiah yang telah memberikan kerjasama penuh untuk saya menamatkan pengajian ini setelah kembali ke medan pekerjaan.

Penghargaan akhir tetapi paling bermakna pula kepada ibu, Siti Noor Aini Hj. Yahya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri, Adilah Md Junoh dan anak-anak tersayang kerana amat memahami, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis.

Akhir kata, harapan saya agar usaha ini dapat diterima sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milik-Nya sahaja. Terima kasih.

ASRUL AZAM BIN SHAFIE

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera . Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sukki bin Othman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Asrul Azam bin Shafie, GS40466

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Mohd Sukki bin Othman

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Muhd. Zulkifli Ismail

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	v
SENARAI JADUL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Soalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Definisi Operasi Kajian	12
1.8.1 Konteks	12
1.8.2 Konteks situasi	13
1.8.3 Semantik :	13
1.9 Kesimpulan	13
 2 SOROTAN LITERATUR	 14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Makna	14
2.2.1 Semantik	15
2.2.2 Pengertian Semantik	15
2.2.3 Pembahagian Makna	16
2.2.4 Jenis-jenis makna	16
2.2.5 Teori Medan Makna	19
2.2.5.1 Definisi Medan Makna:	19
2.2.5.2 Faedah aplikasi Teori Medan Makna:	20
2.2.6 Prinsip-Prinsip Aplikasi Teori Medan Makna:	20
2.3 Konteks dalam kajian bahasa	21
2.3.1 Pengertian Makna Kontekstual (المعنى السياقي)	22
2.3.2 Jenis-jenis Konteks	22
2.3.3 Jenis-jenis konteks dalam al-Quran	23

2.3.4	Konteks Situasi dalam al-Quran	24
2.3.5	Teori Konteks Situasi:	25
2.3.5.1	Konteks Situasi dalam kajian al-Quran	27
2.4	Kajian tentang hujan dalam bidang Bahasa Arab.	29
2.4.1	Kajian asas tentang hujan	29
2.4.2	Kajian berbentuk leksikal atau kamus.	30
2.4.3	Kajian moden tentang hujan.	30
2.5	Analisis Kritis Kajian Lepas	32
2.5.1	Mat Taib Pa (2012)	32
2.5.2	Abdullah Hamzah (2013)	33
2.5.3	Şālih Mahdi (2011)	33
2.5.4	Al-Najmāwi, Ahmad (2011)	33
2.6	Kesimpulan	34
3	METODOLOGI KAJIAN	35
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	35
3.4	Kaedah Kajian	36
3.4.1	Proses mengumpulkan maklumat	36
3.4.2	Proses menentukan kerangka kajian.	41
3.4.3	Proses menentukan data kajian	42
3.5	Contoh Proses Analisis Kajian berdasarkan perkataan <i>Şoiyib</i> .	43
3.6	Kesimpulan	43
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	44
4.1	Pengenalan	44
4.2	Analisis Semantik “hujan” dalam al-Quran	44
4.2.1	Semantik <i>Şoiyib</i> (صَيْب)	46
4.2.2	Semantik <i>Maṭar</i> (المَطَر)	47
4.2.3	Semantik <i>Ghayth</i> (الغَيْث)	48
4.2.4	Semantik <i>Wābil</i> (الْوَابِل)	48
4.2.5	Semantik <i>at-ṭal</i> (الَطَل)	49
4.2.6	Semantik <i>Al-Wadq</i> (الْوَدَق)	49
4.2.7	Semantik <i>al-ḥusbān</i> (الحِسْبَان)	50
4.2.8	Semantik <i>al-Mā</i> ’ (الماء)	51
4.3	ANALISIS LEKSIKAL HUJAN SECARA METAFORA	52
4.3.1	Semantik <i>al-Samā</i> ’ (السماء)	52
4.3.2	Semantik <i>al-Rizq</i> (الرِّزْق)	53
4.3.3	Semantik <i>al-Raḥmah</i> (الرَّحْمَة)	53
4.3.4	Semantik <i>ar-Raj</i> ’ (الرجع)	54
4.4	Analisis Konteks Situasi ayat yang menggambarkan hujan dalam al-Quran	55
4.4.1	Konteks Situasi Semantik <i>Şoiyib</i>	57
4.4.2	Konteks Situasi perkataan <i>maṭar</i> (مَطَر)	60

4.4.3	Konteks perkataan <i>Ghayth</i> غيث	63
4.4.4	Konteks perkataan وابل dan الظل	68
4.4.5	Konteks perkataan <i>wadq</i>	70
4.4.6	Konteks perkataan حسيان	72
4.4.7	Konteks perkataan <i>mā'</i>	73
4.4.8	Konteks perkataan <i>samā'</i>	77
4.4.9	Konteks perkataan <i>rizq</i> رزق	78
4.4.10	Konteks perkataan <i>Rahmah</i> رحمة	79
4.4.11	Konteks perkataan <i>raj'</i>	80
4.5	Kesimpulan	82
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	83
5.1	Pengenalan	83
5.2	Rumusan	83
5.2.1	Mengenal pasti makna bagi setiap item yang menggambarkan hujan secara hakiki dan metafora dalam al-Quran	84
5.2.2	Menjelaskan Konteks Situasi Setiap Ayat yang mengandungi perkataan-perkataan yang menggambarkan hujan dalam al-Quran.	85
5.3	Cadangan	87
5.4	Penutup	87
	BIBLIOGRAFI	88
	LAMPIRAN	93
	BIODATA PELAJAR	99
	PENERBITAN	100

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Model Komunikasi	26
2 Medan Makna Hujan	42
3 Analisis Leksikal Hujan (Hakiki)	45
4 Analisis Leksikal Hujan (Metafora)	52
5 Analisis Konteks Situasi Hujan	55
6 Jadual Kekerapan Item Leksikal Hujan dalam al-Quran	84

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Contoh Medan Makna	19
2 Model Situasi Firth	26
3 Carta Kerangka Konseptual Kajian	36
4 Carta Proses Kajian	43



SENARAI SINGKATAN

a.s.	‘alaihissalam
cet.	cetakan
et. al.	dan lain-lain
H	Hijrah
M	Masehi
Pnyt	Penyunting
SAW	sollallahu ‘alaihi wa sallam
SWT	subhanah wa ta’ala
r.a	Radiyallahu ‘anhu
T.Th.	Tanpa tahun
T.Tp.	Tanpa tempat
Terj.	Terjemahan
Men. `	Meninggal dunia

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)**

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ز	z
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
س	s

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ء	’
ي	y
ة	ah*

* Ditransliterasikan sebagai ‘**at**’ dalam konteks gabungan dua perkataan.

B. Vokal

Pendek		Panjang	
اَ	a	إِ	ā
اِ	i	يِ	ī
اُ	u	وِ	ū

C. Diftong

Diftong	
أَيَّ	Ay
أَوَّ	aw

D. Shaddah

Shaddah	
يَّ	iy
وَّ	uww

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kitab suci al-Quran adalah mukjizat kerasulan Nabi Muhammad SAW. Keindahan bahasa dan ketepatan maknanya mengagumkan sasterawan dan ahli Bahasa Arab sepanjang zaman. Antara mukjizat al-Quran juga adalah susunan perkataan yang teratur disusuli dengan pemilihan perkataan yang tepat dan halus. Perkara ini hanya dapat dilihat dengan cara meneliti dan mengkaji al-Quran secara mendalam. Dalam konteks al-Quran, proses ini dinamakan *tadabbur*.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ
عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ٨٢

Terjemahan : “Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalaupun al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya”. (Basmeih Abdullah, 2007:208)

Menurut Habannakah (1980) *Tadabbur* ialah proses pemikiran mendalam, penelitian dan penghayatan terhadap isyarat-isyarat daripada ayat-ayat al-Quran setelah memahami maksud ayat menerusi tafsir. *Tadabbur* dapat menyingkap rahsia, mukjizat dan tuntutan sebenar al-Quran. Justeru setiap penelitian yang mendalam terhadap kandungan al-Quran termasuk dalam definisi *tadabbur*.

Samurrā’i (2006) menegaskan bahawa setiap huruf, lafaz perkataan, frasa dan ayat sentiasa mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Tidak mungkin manusia dapat dapat menukar ganti kedudukan, bentuk bahkan baris setiap perkataan al-Quran. Bangsa Arab juga telah diberi peringatan tentang pentingnya menggunakan perkataan yang tepat bagi situasi yang berbeza. Contohnya menurut Muhammad Quraish Shihab (2002), apabila seorang Badwi mengaku beriman, al-Quran telah memerintahkan seperti dalam surah *al-Hujurat* ayat ke 14 yang bermaksud:

“Katakanlah kamu belum beriman, tetapi katakanlah kamu telah menyerah diri (aslamnā) kerana keimanan belum memasuki hati-hati kamu”.

Betapa telitinya penggunaan perkataan yang menunjukkan perbezaan antara iman dan Islam. Menurut Ṣolāh al-Khālidi (1983), perbezaan antara perkataan seumpama suara-suara. Kita lebih suka mendengar kicauan burung ketitir dan tidak gemar bunyi burung gagak. Kedua-duanya merupakan suara. Citarasa dan naluri manusia memilih yang sesuai dengan dirinya. Begitulah juga makanan apabila dikecap oleh deria rasa manusia. Ketinggian citarasa dan ketepatan pemilihan perkataan amat ketara dalam al-Quran.

Keistimewaan ini menarik banyak kajian tentang al-Quran dari dahulu hingga sekarang. Al-Quran dikaji dari sudut Sains, Geografi, Matematik dan segala cabang ilmu. Kajian tentang bahasa al-Quran pula telah berkembang pesat kerana al-Quran menjadi paksi kepada Bahasa Arab. Dalam konteks Malaysia, tumpuan kajian lebih terarah kepada aspek sintaksis, balaghah dan morfologi berdasarkan pemerhatian kepada tajuk-tajuk kajian dalam perpustakaan di serata negara. Kajian tentang makna perkataan Bahasa Arab juga telah banyak dilakukan di negara ini. Bagaimanapun keperluan untuk mendapatkan kefahaman yang tepat dan lebih mendalam tentang konsep makna sesuatu perkataan di dalam al-Quran masih terbuka luas.

Menurut Song, Li (2010), pendekatan kontekstual semakin mendapat tempat kerana menghuraikan konsep dan makna sesuatu perkataan dengan lebih tepat dan menyeluruh. Salah satu aspek dalam pendekatan kontekstual adalah konteks situasi yang merupakan kaedah analisis wacana dalam Teori Semiotik Sosial Halliday (1978). Ia dilihat mampu menggambarkan situasi pengungkapan sesuatu teks atau ucapan itu dengan lebih jelas lagi.

Penggunaan perkataan-perkataan yang membawa maksud yang sama mestilah kerana sebab yang tertentu. Antaranya kerana dipengaruhi oleh situasi. Berdasarkan teori ini, komponen situasi adalah penutur, tema yang melingkungi teks dan sarana perkataan yang digunakan. Begitu juga dalam kajian al-Quran, Akram Zainal Abidin dan Daouod (2013) menamakan konteks situasi al-Quran sebagai *Siyāq Maqāmi*.

Hujan dipilih adalah kerana ia merupakan suatu konsep yang amat menarik perhatian bangsa Arab. Sejak bermula era pengumpulan kata mengikut tajuk yang diterajui oleh al-Aṣmā 'i, Ibn Durāyd, Abū Zayd al-Anṣārī lagi, perkataan berkaitan hujan telah mendapat tempat yang istimewa. (Abū Swaylim, 1987).

Al-Quran selaku kitab rujukan utama dalam Bahasa Arab tidak ketinggalan telah memaparkan perkataan hujan dalam pelbagai variasi kata berulang sebanyak hampir 79 kali. (Bassam, 1995).

Perkataan utama yang membawa makna hujan yang banyak dibincangkan oleh sebahagian pengkaji sebagai sinonim iaitu مَطَر (*maṭar*) dan غَيْث (*ghayth*). Terdapat juga perkataan-perkataan lain yang berada dalam medan makna hujan seperti الْوَدَقُ, وَابِلٌ, الْوَدَقُ, الْوَدَقُ dan sebagainya yang tidak mendapat perhatian secukupnya dari pengkaji. Selain itu perkataan yang digunakan secara metafora juga perlu diberi perhatian kerana ia juga membawa makna hujan. Perkataan berkenaan adalah الرَّجْعُ, الرَّجْعُ, الرَّجْعُ dan الرَّجْعُ. (Hussain,2011).

Penulis mendapati satu pendekatan yang boleh menghimpunkan semua makna tadi lantas dijadikan subjek kajian secara sama rata adalah kajian konteks situasi iaitu *Siyāq maqāmi* (السِّيَاق المَقَامِي). Ini adalah kerana teks al-Quran mempunyai *sabab nuzūl* dan tema (مَوْضُوع / مناسبات) yang boleh dijadikan rujukan. Dalam ilmu tafsir al-Quran, kajian secara tematik ini dinamakan sebagai *tafsīr mawḍuʿī*. (Mustafa, 2010).

Justeru semantik makna hujan dan konteks situasinya di dalam al-Quran merupakan bidang kajian yang ingin dibincangkan oleh penulis dalam kajian ini.

1.2 Latar belakang kajian

Hujan bukanlah semata-mata kejadian alam semulajadi yang menjadi sebahagian daripada kitaran alam semesta. Ia merupakan antara ciptaan Allah SWT yang mempunyai manfaat dan memainkan peranan sangat penting terhadap kehidupan manusia. Sebagai penduduk di daerah khatulistiwa yang panas dan lembab, sudah tentu kita dapat memahami pentingnya hujan dalam kehidupan. Ia menjadi sumber kehidupan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Bayangkan kesukaran yang dihadapi oleh penghuni padang pasir seperti semenanjung tanah Arab. Betapa bermakna dan pentingnya hujan dalam kehidupan mereka.

Sejak zaman berzaman, hujan telah menjadi ilham para penyair, pedoman orang bercinta dan inspirasi kehidupan bangsa Arab. Menurut Abū Swaylim (1987), banyaknya penulisan berkaitan hujan menjadi bukti kepentingan tajuk ini bagi bangsa Arab. Antara kitab yang dikarang berkaitan hujan dalam Bahasa Arab ialah kitab-kitab bertajuk *al-Anwāʾ*. Muʿāwiyah bin ʿAmmār al-Duhni (M145H), Ismail bin ʿAmmār bin ʿUyaynah (M157H), Abdul Rahman al-Masʿudi al-Kūfī (M175H), Muʿarrij bin Imruʿ (M198H), al-Naṣr bin Shumayl (M206H), Quṭrub Muhammad bin Mustanīr (M206H), Abdullah bin Yaḥya (M207H), al-Aṣmāʾī (216H), Muhammad bin Ziad (M231H), Muhammad bin Ḥabīb al-Baghdādī (M245H) dan Muhammad bin Hisyām bin ʿAuf (M245H).

Manakala kitab-kitab yang menggunakan nama lain seperti *al-Maṭar* karangan Abī Zayd al-Anṣārī (M215H), *al-Khaṣab wa al-Qaḥṭ* karangan Abī Ḥātim al-Sijistānī (M250H) dan banyak lagi. Sejumlah empat puluh satu buah kitab telah disenaraikan oleh Anwār Abū Swaylim dalam kitabnya *al-maṭar fī shiʿr al-jāhili*. Kebanyakan kitab ini berfungsi

mengumpul perkataan-perkataan yang dianggap sinonim bagi hujan dan istilah-istilah berkaitan yang menerangkan sifat, bentuk, masa dan tempat turun dan sebagainya seperti awan, salji, air batu, angin, guruh, petir, gerhana dan air. Konsep *Anwā'* melaporkan keadaan persekitaran terutamanya berkenaan alam semulajadi. (Abū Swaylim, 1987).

Penulis mendapati makna *maṭar* iaitu hujan sendiri telah mula dikaji seawal kurun ketiga Hijrah lagi apabila Abī Zayd al-Ansāri (215H) menghimpun perkataan-perkataan berkaitan hujan dalam Bahasa Arab menerusi bukunya *al-Maṭar*. Antara kitab yang sampai kepada kita adalah kitab Ibn Durayd, al-Aṣmā'ī dan ramai lagi tokoh Bahasa Arab pernah menghimpunkan perkataan hujan dalam sebuah buku. Buku-buku ini menyusun perkataan berkaitan hujan seperti waktu, kadar, keadaan hujan turun dan sebagainya berdasarkan teks yang terdapat dalam sastera Arab. (all-Khūli, 2001). Bagaimanapun semua buku di peringkat awal ini hanya menghimpunkan perkataan dengan menyebut makna asas atau contoh penggunaannya sahaja.

Kajian tentang makna perkataan dalam kelompok makna tertentu dalam al-Quran pula dipelopori oleh pengarang-pengarang kitab-kitab *wujūh*, *naẓā'ir* dan *ashbāh*. Antara pengarang kitab-kitab ini ialah Harun bin Musa (170H), al-Dāmighāni (478H) dan Abū Hilāl al-'Askari (395H), Ibn Jawzi (597H) dan banyak lagi seperti yang dinukilkan dalam buku-buku Ulum al-Quran. Menurut al-Ṣuyūṭi (2008), *wujūh* bermakna satu perkataan yang mempunyai banyak makna, manakala *naẓā'ir* tentang perkataan-perkataan yang sama makna, manakala *ashbāh* pula tentang perkataan-perkataan yang mempunyai makna yang hampir-hampir sama).

Perkembangan ini menunjukkan kepentingan makna hujan kepada bangsa Arab kerana ia telah menjadi tumpuan dari segi kuantiti perkataan, penggunaan dalam hadis nabawi dan puisi sejak zaman berzaman. Sudah tentu hujan yang telah digambarkan dengan banyak perkataan dalam kitab al-Quran ini mempunyai kepentingan untuk terus menjadi bahan kajian.

Al-Jāhiz (1995) dilihat sebagai tokoh yang mencatatkan tentang pendapat beliau tentang hujan dalam al-Quran. Beliau menyatakan bahawa antara keunikan *bayān* (iaitu satu cabang ilmu retorik dalam Bahasa Arab) dalam al-Quran adalah penyusunan perkataan yang tepat dari segi penggunaannya. Beliau memberi contoh perkataan bagi hujan iaitu *maṭar* dan *ghayth*. Perkataan yang pertama hanya digunakan dalam konteks azab dan amaran manakala perkataan yang kedua digunakan dalam konteks rahmat. (Jahiz, 1995).

Pendapat ini juga turut dipegang oleh Ibn Sīdah (M458H) yang kemudiannya diambil sebagai rujukan oleh pengarang-pengarang kamus seperti Ibn Manẓūr al-Afriqi (M711H). Bagaimanapun kajian Muhammad Aiyūb (2011) yang mengkaji tentang perkataan *maṭar* dan *ghayth* dalam al-Quran dan as-Sunnah mendapati bahawa tidak semua perkataan *maṭar* dalam al-Quran membawa maksud azab dan amaran. Seperti yang telah penulis nukilkan di atas tadi, persepsi umum bangsa Arab terhadap hujan

adalah baik, membawa rezeki dan nikmat. Bagaimanapun menurut Muhammad Aiyūb (2011), penggunaan perkataan *maṭār* dalam konteks azab dan amaran khusus untuk al-Quran atas sebab-sebab tertentu. Penulis mendapati pendapat seperti ini telah menarik minat para tokoh bahasa dulu sehingga kini untuk membuat kajian tentang perkataan *maṭār* dan *ghayth*.

Kajian-kajian yang dilakukan sama ada cenderung kepada konsep sinonim atau *furūq lughawiyah* yang mengambil manhaj menghuraikan perbezaan keduanya sama ada dari segi konteks penggunaan, aspek balaghah dan sebagainya. Keadaan ini telah menimbulkan pengasingan di antara dua perkataan berkenaan dengan perkataan-perkataan lain yang turut membawa makna hujan. al-Tha'ālibi (1998) pernah mencatatkan perkataan-perkataan berkenaan hujan dalam kitabnya *Fiqh al-Lughah wa Asrār al-'Arabiyyah*. Antara susunan beliau tentang hujan adalah daripada hujan gerimis hinggalah hujan yang paling lebat. Beliau menyusun bermula dengan *rashsha*, *ṭashsha*, *ṭalla*, *razāz*, *naḍ*, *naḍaj*, *haṭal*, *tahtan*, *wābil* dan *jawd*. Boleh dikatakan semua perkataan ini tidak lagi digunakan di kalangan masyarakat umum. (al-Tha'ālibi, 1998).

Sālih Mahdi Jābir (2010) antara pengkaji moden yang mengumpul kembali semua perkataan-perkataan berkaitan hujan dalam teks-teks bahasa Arab lama. Beliau berjaya menghimpun sejumlah seratus tujuh puluh sembilan perkataan. Beliau mengambil pendekatan memberikan pengertian ringkas sebagaimana yang terdapat di dalam mu'jam Arab. Ini sesuai dengan kajian beliau yang lebih berfokus kepada bidang Geografi. Menurut Hussayn Muhammad Kitlān al-Bakri (2011) pula, perkataan-perkataan yang menggambarkan hujan terdiri daripada hakikat dan metafora. Perkataan-perkataan yang membawa makna hujan secara metafora adalah *rizq*, *rahmah*, *samā' ' dan raj' '.* Penulis mendapati dua pengkaji ini antara mereka yang mula menumpukan kajian terhadap perkataan-perkataan hujan dengan lebih menyeluruh. Kajian-kajian seperti ini boleh dikembangkan lagi dengan penambahan pada aspek situasi dan tema.

Penulis juga mendapati kecenderungan untuk mengkaji perkataan-perkataan dalam al-Quran berdasarkan konsep yang lebih menyeluruh semakin bertambah sejak akhir-akhir ini. Kajian seperti ini menggunakan pendekatan kontekstual. Pengkaji-pengkaji di nusantara alam melayu iaitu Malaysia dan Indonesia juga tidak ketinggalan. Antara kajian yang signifikan adalah Mat Taib Pa (2012). Beliau telah mengkaji ketepatan pemilihan perkataan dalam surah al-Fātiḥah. Beliau menggunakan konteks bahasa iaitu morfologi untuk menganalisis struktur perkataan dalam surah al-Fātiḥah. Dapatan kajian beliau adalah perbezaan struktur mempunyai pengaruh dalam pemilihan perkataan.

Abdullah Hamzah (2013) pula menggunakan pendekatan kontekstual untuk mengkaji perkataan-perkataan yang menggambarkan tentang bidadari dalam al-Quran. Bagaimanapun fokus beliau adalah tentang aspek estetika iaitu dari segi *balāghah*. Beliau menghuraikan konsep berkenaan dengan menggunakan aspek-aspek dalam ilmu *balāghah*.

Pendekatan *world view* yang dicetuskan oleh Toshiko Ishuzu pula merupakan pendekatan kontekstual yang berdasarkan tema-tema penting yang terdapat dalam agama Islam. Karangan beliau yang popular adalah *God and Man in the Qur'an: Semantics of the Quranic Weltanschauung*. Beliau menghuraikan konsep pemikiran tentang etika dalam al-Quran. Beliau menggabungkan antara pemikiran tentang sifat-sifat tuhan, fitrah manusia terhadap tuhan dan prinsip-prinsip akhlak dan etika umat Islam dalam kehidupan. (Izutsu, 2008).

Gabungan tiga konsep ini membentuk satu pandangan umum atau *world view* terhadap sesuatu konsep perkataan yang dikaji. Antara pengkaji yang mengambil pendekatan beliau adalah Zunaedi Nur (2014) dalam kajian yang bertajuk *Konsep Jannah dalam al-Quran (Aplikasi Semantik Toshihiko Ishuzu)*, *Janji dalam al-Quran (Kajian Semantik atas kata al-Wa'd, al-'Ahd dan al-Mithāq)* dan Budi Santoso dalam kajian beliau yang bertajuk "*Makna Tawakkal dalam al-Quran*".

Mat Taib Pa (2012) bagaimanapun telah mencadangkan agar kajian tentang sesuatu konsep itu dilakukan secara menyeluruh mengikut tema seperti yang dilakukan oleh pengkaji ilmu tafsir dengan konsep *Tafsīr Mawḍū'i*. Penulis mendapati Teori Semiotik Sosial Halliday (1978) melalui aplikasi Konteks Situasi juga sesuai untuk mengkaji tema-tema yang terdapat dalam wacana al-Quran yang membicarakan tentang hujan. Setakat pengamatan penulis, belum ada kajian peringkat sarjana dalam Bahasa Arab terhadap konteks perkataan yang mengambil pendekatan ini. Kajian Siti Rasidah (2016) yang bertajuk *Pengaruh Konteks Situasi Terhadap Variasi Lafaz Munāda Nabi Muhammad SAW dalam al-Quran* merupakan satu artikel yang mengkaji lafaz-lafaz seruan Nabi Muhammad SAW dalam al-Quran. Beliau berjaya menemui pengaruh unsur dalam konteks situasi iaitu pelibat dan medan wacana terhadap penggunaan perkataan tertentu sebagai lafaz *munāda*. Kajian Hasyim Ali Imran (2014) yang bertajuk *Semiotika Sosial Sebagai Alat Analisis Teks Dalam Penelitian Komunikasi Kualitatif* pula menonjolkan analisis konteks situasi terhadap rencana akhbar Harian Republika, Indonesia berkaitan isu penyelesaian undang-undang terhadap mantan Presiden Republik Indonesia iaitu Soeharto. Beliau telah berjaya menemui unsur-unsur Medan Wacana, Pelibat Wacana dan Sarana Wacana dalam rencana berkenaan lantas membuat huraian deskriptif terhadap kombinasi unsur-unsur berkenaan bagi merumuskan pandangan umum media terhadap isu berkenaan.

Penulis tertarik dengan untuk meneliti konsep hujan di dalam al-Quran dengan meluaskan data pencarian kerana dapatan dari kitab-kitab silam kebanyakannya menghuraikan tentang perkataan *maṭār* dan *ghayth*. Persoalan tema dalam ayat-ayat yang menggambarkan hujan dalam al-Quran akan dianalisis dengan menggunakan Teori Semiotik Sosial Halliday (1978) dan *Siyāq Maqāmi*.

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa Arab kaya dengan perbendaharaan kata dan gaya bahasa untuk menggambarkan sesuatu perkara. Bahasa Arab juga dipertuturkan dengan pelbagai lahjah dan dialek mengikut struktur geografi. Sungguhpun begitu, Dialek Quraish telah menjadi penanda aras kepada Bahasa Arab Baku (*Fushah*) dengan turunnya kitab al-Quran. (Solih, 2009)

Dalam kajian ini, penulis ingin membincangkan tentang satu aspek yang penting dalam perbendaharaan kata al-Quran iaitu semantik makna. Umum mengakui bahawa al-Quran begitu teliti dalam pemilihan dan penggunaan makna untuk menggambarkan keadaan, peristiwa dan perkara tertentu. Sebagai contoh, dalam menerangkan tentang kejadian hujan, al-Quran telah menggunakan perkataan *al-wadqu* apabila menggambarkan titisan air yang turun dari celah awan. Persoalannya ialah kenapa tidak digunakan sahaja perkataan *mā'* yang bermaksud air? Pada masa yang sama al-Quran menggunakan perkataan *mā'* untuk menceritakan air yang turun dari langit iaitu hujan. Kenapa perkataan *maṭār* yang membawa makna asal hujan jarang digunakan sebagai hujan yang sebenarnya dalam al-Quran? Apakah situasi penggunaan makna berkenaan dalam al-Quran?

Perbincangan tentang pemilihan perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama dalam al-Quran termasuk dalam kategori *ashbāh wa naẓā'ir* di sisi ulama silam. Sebahagian mereka pula mendokong falsafah *al-furūq al-lughawiyah* kerana perbezaan pendapat tentang adanya sinonim dalam al-Quran.

Ṣubḥī Solih (2009) membuat kesimpulan menyokong adanya *tarāduf* dlm al-Quran kerana ia turun dalam Bahasa Quraish yang ideal (*mithali*), gaya bahasa dan uslub pengungkapannya. Oleh kerana bahasa ini telah lama bercampur dengan *lahjāt 'Arabiyah* yang lain maka ia telah mengambil perkataan-perkataan yang seumpama untuk makna yang sama sehingga ia menjadi sebahagian khazanah perkataanya yang luas. Tidak hairanlah jika al-Quran menggunakan perkataan yang baru masuk ini di samping perkataan *Quraysh* yang asli. Beliau memberi contoh al-Quran menggunakan *خَلَفَ* dan *أَفْسَمَ* untuk makna 'sumpah'.

Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb, Tawfīq Shāhin dan Ibrahīm 'Anis antara ahli bahasa moden yang menyokong adanya sinonim dalam al-Quran. Bagaimanapun majoriti ahli bahasa di pelopori oleh Aisyah binti Abdul Rahman menolak adanya sinonim dalam al-Quran dengan beberapa pengecualian yang amat sedikit. (Ṣubḥī, Solih: 2009)

Penulis mendapati hubungan antara perkataan-perkataan berkenaan ada yang dikatakan sinonim seperti *maṭār* dan *ghayth*. Ada pula yang bersifat hiponim iaitu dari kelompok jenis yang sama seperti *wābil*, *ṭall*, *wadq*, *ṣoīyib*, *husbān* dan *mā'* atau hubungan secara *majāz* seperti *rahmah*, *rizq*, *raj'* dan *samā'*.

Pemerhatian terhadap Tafsir Pimpinan Rahman, yang merupakan terjemahan al-Quran terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga mendapati bahawa perkataan-perkataan seperti *maṭar*, *wābil*, *ṣoīyib* dan *mā* ' diterjemahkan sebagai hujan. (Basmeih, 2007). Ini menunjukkan perkataan-perkataan berkenaan merujuk kepada makna yang sama. Sudah tentu persoalan yang timbul adalah, bolehkah perkataan-perkataan berkenaan ditukar ganti?

Terdapat lebih dari satu perkataan yang menggambarkan hujan dalam al-Quran menunjukkan wujudnya konteks yang berbeza bagi penggunaan setiap perkataan berikut. Ia boleh jadi berdasarkan perbezaan dari segi kuantiti, sebagai pengukuhan terhadap makna tersurat dan sebagainya. (Mat Taib, 2012: 420).

Perhatikan isu lafaz dan makna yang menjadi bahan perbincangan ahli-ahli bahasa seperti al-Asmā'ī (M216H), al-Jāhiz (M255H), Ibn Qutaybah (m276H), al-Jurjāni (M392H) dan lain-lain. Sebahagian menyatakan bahawa teks sastra yang baik adalah yang menggunakan perkataan yang baik, sebahagian yang lain memilih makna yang baik. Bagaimanapun perkara yang utama adalah makna sebenar sampai secara tepat dan berkesan kepada sasaran. Menurut Firth (1957), pemilihan dan penggunaan perkataan dalam bahasa ditentukan oleh konteks ayat perkataan itu digunakan, sama ada konteks bahasa atau konteks bukan bahasa.

Berdasarkan penelitian terhadap permasalahan seperti ini dalam kajian-kajian terdahulu, penulis berkeyakinan terdapatnya kaedah dalam kajian bahasa yang boleh menjelaskan penggunaan makna secara tepat terutamanya dalam mengkaji teks al-Quran.

Khalil (2010) menegaskan bahawa pengaruh konteks dalam menentukan makna perkataan dalam al-Quran amat besar. Ini adalah kerana al-Quran disusun dengan begitu bijaksana. Seseorang perlu mengetahui konteks ayat bagi membezakan yang mana hakiki dan metafora. Al-Zarkashi (2008) memberi contoh ayat al-Quran :

ذُقْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ ٤٩

(Serta dikatakan kepadanya secara mengejek): Rasalah azab seksa, sebenarnya engkau adalah orang yang berpengaruh dan terhormat (dalam kalangan masyarakatmu). (Basmeih, 2007: 1328:44:49)

Perkataan *al-‘azīz al-karīm* dalam konteks ayat ini sebenarnya bermaksud *al-zalīl al-haqīr* iaitu yang jelek lagi hina. Ayat-ayat sebelum ini memperihalkan ahli neraka dan makan mereka. Seterusnya diikuti dengan ayat ini yang bermaksud seperti di atas. Sekiranya kita melihat ayat ini secara langsung tanpa melihat konteks ayat sebelum dan selepas, nescaya kita akan mendapat maksud yang salah. Perkataan ini sebenarnya

ditujukan kepada Abū Jahl, ketua golongan musyrikin yang menentang seruan dakwah Nabi Muhammad SAW di Mekah. Apabila Rasulullah SAW menyampaikan amaran Allah SWT terhadap golongan kafir beliau mencekak baju baginda lalu berkata: “Engkau mengancam aku wahai Muhammad? Sesungguhnya di kalangan orang-orang yang berjalan di antara dua bukit ini (Mekah), akulah orang yang paling mulia (Dalam al-Wāḥidī, 1991:5). Lalu Allah SWT mematikan beliau dalam perang Badar dan menurunkan ayat ini dalam *uslūb muqābalaḥ* berbentuk sindiran atas kesombongan beliau dan golongan kafir terhadap seruan Islam.

Kepentingan konteks dalam memahami maksud sebenar perkataan-perkataan dalam al-Quran lebih jelas apabila kita membaca firman Allah SWT dalam surah al-Mā’ūn:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ؕ

“maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang”.
(Basmeih, Abdullah: 2007)

Pembacaan tanpa melihat konteks ayat akan menimbulkan kekeliruan kerana maksud ayat ini bertentangan dengan ajaran Islam. Bagaimana mungkin orang yang melakukan solat dikatakan akan mendapat kecelakaan? Apabila kita melihat konteks ayat dengan menghubungkan maksud ayat ini dengan ayat selepasnya kita akan mendapati maksud sebenar adalah “kecelakaan bagi orang-orang yang bersolat tetapi lalai”. (al-Shinqī ṭī, 2005). Ringkasnya konteks itu sangat penting dalam memahami maksud perkataan.

Pendekatan kontekstual merupakan kaedah paling sesuai untuk menerangkan kaitan bagi perkataan-perkataan yang berkongsi makna seperti hujan ini. Perkataan ‘janji’ juga diwakili oleh beberapa perkataan dalam al-Quran. Al-Mā’ārif (2012) telah menggunakan kaedah kontekstual untuk mengenal pasti hikmah penggunaan kata *al-Wa’d*, *al-’Ahd* dan *al-Mithāq* yang bermaksud janji dalam al-Quran.

Peranan yang dimainkan oleh konteks dalam kajian ini selaras dengan dapatan Li Chao Song (2010) iaitu menghilangkan keraguan akibat persamaan sebutan bunyi perkataan, mengenalpasti maksud yang dirujuk oleh perkataan berkenaan dan mengesan makna tersirat di sebalik ayat yang digunakan. Analisis leksikal terhadap perkataan hujan akan memainkan peranan pertama dan kedua.

Kajian tentang konteks perkataan telah dilakukan oleh sebilangan pengkaji. Antara mereka adalah Mat Taib Pa (2012) yang mengkaji pemilihan perkataan dalam surah *al-Fātiḥah* berdasarkan konteks morfologi. Beliau mencadangkan agar lebih banyak kajian yang lebih menyeluruh tentang konsep sesuatu perkataan seperti syurga, neraka dan sebagainya dalam al-Quran menggunakan konsep *tafsir mawḍhu’i*. Metod tafsir ini lebih menyeluruh kerana ia meliputi tafsiran kontekstual selain aspek bahasa yang telah

banyak digunakan. Ia bagi menambah kefahaman terhadap makna perkataan yang diambil dari kamus tertentu dan pandangan ahli bahasa tertentu sahaja. Terdapat juga keperluan untuk mendalami suasana setiap ayat (جو الآية) yang mengandungi perkataan-perkataan berkenaan.

Menurut Tahāni Salim (2007), Ahli tafsir al-Quran telah membahagikan konteks dalam al-Quran kepada konteks perkataan, konteks ayat, konteks perenggan/ tema dan konteks al-Quran secara keseluruhannya.

Pendekatan Semiotik Sosial Halliday (1978) melihat teks sebagai produk aktiviti unsur-unsur dalam konteks situasi. Unsur berkenaan adalah *field* (medan), *Participant* (pelibat) dan *Tenure* (sarana). Penulis berpendapat pendekatan ini sesuai untuk menganalisis tema seperti dalam kaedah *tafsir mawḍū'i* menerusi unsur medan. Pandangan Mohamed Daoūd (2013) bahawa *asbāb nuzūl* berperanan dalam konteks situasi juga dilihat tepat dan disesuaikan juga dengan unsur medan dalam analisis konteks situasi.

Oleh itu pendekatan kontekstual dengan fokus kepada konteks situasi sesuai untuk dijadikan landasan kajian. Teori Konteks Situasi membolehkan penulis mengkaji situasi teks dengan lebih sistematik berdasarkan tiga elemen utama situasi iaitu medan, pelibat dan sarana.

Justeru, kajian tentang semantik makna hujan dalam al-Quran perlu berlandaskan pendekatan semantik dan kontekstual. Setiap makna diasingkan mengikut konteks situasi iaitu tema dan sub tema ayat.

1.4 Soalan Kajian

Permasalahan yang dibincangkan tadi menimbulkan persoalan berikut:

1. Jelaskan semantik hujan secara hakiki dan metafora dalam al-Quran?
2. Bagaimanakah konteks situasi bagi ayat-ayat hujan dalam al-Quran?

1.5 Objektif Kajian

Berpandukan soalan di atas, objektif kajian ini dibentuk seperti berikut:

1. Mengenalpasti perkataan hujan dalam al-Quran dan menghuraikan makna leksikal setiap satu daripadanya.
2. Menjelaskan konteks situasi ayat berkaitan makna berkenaan dalam al-Quran.

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan secara saintifik yang mengikut kaedah kajian tertentu secara umumnya telah memberikan sumbangan kepada bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini mempunyai keistimewaan-keistimewaan tertentu yang menjadikannya penting.

Antaranya ialah:

Menerusi kajian ini penulis dapat menyahut perintah *tadabbur* dengan mengkaji secara mendalam keistimewaan semantik hujan dalam al-Quran yang bersesuaian dengan konteks dan situasi ayat. Kajian tentang semantik yang menjurus kepada makna hujan yang luas digabungkan dengan situasi-situasi yang terdapat pada ayat-ayat berkenaan.

Penggunaan teori konteks situasi dalam kajian semantik merupakan suatu usaha yang unik. Ia diharap dapat membantu menjelaskan tema-tema yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran yang dikaji. Pemahaman terhadap Konteks Situasi al-Quran (*Siyāq Maqām*) digabungkan dengan konteks situasi yang terkenal dalam kerangka Teori Semiotik Sosial Halliday.

Selain itu kajian ini memberi tumpuan untuk mendapatkan kefahaman lebih terperinci tentang konsep hujan dalam al-Quran dengan menunjukkan perkaitan antara makna hujan dan situasi ayat berkenaan. Ia berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini yang memfokuskan kepada aspek retorik dan morfologi. Kajian ini juga bersifat lebih menyeluruh dari kerana menghuraikan tentang makna hujan dalam perkataan selain *maṭar* dan *ghayth*.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan oleh perkara-perkara berikut:

Skop kajian hanyalah pada ayat-ayat yang mengandungi perkataan yang menggambarkan hujan dalam al-Quran. Ganti nama yang diterjemahkan sebagai hujan tidak termasuk dalam skop kajian. Huraian makna dalam kajian ini hanyalah berdasarkan aspek leksikal dalam ilmu semantik. Aspek tertentu seperti konteks sintaksis dan fonetikal hanya digunakan berdasarkan keperluan untuk menjelaskan sesuatu makna.

Terjemahan al-Quran, hadis dan puisi *jāhili* hanya digunakan sebagai perbandingan untuk menjelaskan makna perkataan tertentu. Ia tidak dibahas secara terperinci untuk mengelakkan penyimpangan dari tajuk asal.

Menurut Firth (1957), Teori Semiotik Sosial mencadangkan bahawa sesuatu teks itu terhasil dari situasi yang melingkungi percakapan. Kajian ini pula memfokuskan bahawa Allah SWT yang menurunkan al-Quran memilih perkataan yang sesuai dengan situasi yang melingkungi ayat berkenaan.

1.8 Definisi Operasi Kajian

Berdasarkan tajuk dan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini, definisi yang menghuraikan perkataan-perkataan berkenaan perlu disertakan. Ini adalah untuk memastikan perbincangan yang dilakukan menepati kehendak tajuk. Antara perkataan dan istilah yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

1.8.1 Konteks

Konteks dalam Bahasa Arab disebut sebagai *Siyāq*. Perkataan lain yang digunakan adalah *qarīnah al-lafzi*, *setting*, *muqāda hāl* dan sebagainya. Dalam kajian ini ia bermaksud segala yang mengiringi perkataan termasuklah struktur ayat, tempat dan masa sesuatu perkataan itu diungkapkan, intonasi ungkapan, sebab ia diungkapkan dan segala yang mengiringi perkataan secara umum.

1.8.2 Konteks situasi

Konteks situasi atau *Siyāq al-maqām* dikenali juga sebagai *Siyāq al-mawqif* dan *qarīnah al-lafzi*. Ia diambil kira oleh pengkaji tafsir, usul fiqh, ilmu hadis, bahasa dan kemasyarakatan. Dalam kajian ini ia meliputi *asbāb nuzūl*, *munāsabāt* dan situasi ungkapan yang boleh difahami dengan melihat terjemahan dan tafsir tematik bagi ayat yang mengandungi perkataan berkenaan.

1.8.3 Semantik

Semantik dalam kajian ini bermaksud *dilālāh* dalam Bahasa Arab. Menurut Umar (1998), Semantik ialah kajian mengenai makna. Oleh itu Semantik Hujan yang dimaksudkan di sini adalah kajian tentang makna-makna hujan yang terdapat dalam al-Quran

1.9 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, perkataan-perkataan hujan perlu menjadi bahan kajian. Pendekatan Semantik akan memperincikan makna-makna asas berkaitan hujan. Seterusnya mengenal pasti makna-makna sampingan. Akhirnya setiap ayat akan dianalisa untuk mendapatkan konteks situasinya.

Justeru diharap kajian ini dapat memberi nilai tambah sendiri kepada hubungan pengkaji dengan al-Quran. Seterusnya dapat memberikan sumbangan walaupun kecil terhadap bidang kajian bahasa al-Quran di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abbās, F.H. (1997). *Itqān al-Burhān fī 'Ulūm al-Quran*. Amman: Dār al-Furqan.
- Abdullah Hamzah. (2013). *Konsep Bidadari Dalam Al-Quran. Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Malaya
- Abd Bāqi, Fuad.(1988).*Mukjam Mufahras li 'Alfāz al-Quran*. Beirut: Dār Ihyā Turath 'Arabi.
- Abū Swaylim, Anwar. (1987). *Al-Maṭar Fi Shi'ril Jahili*. Amman: Dar Ammar.
- Al-Asbahāni, Rāghib.(1992). *Mufradat Alfaz Quran*. Tahqiq: Safwan Adnan. Damsyik: Darul Qalam. Beirut: Dar Syaamiah.
- Al-'āk, Khālid.A. (1994). *Usul Tafsīr wa Qawā'iduh*. Beirut: Dar Nafā'is. (m/s 99-105)
- Al-Bukhārī, M. I. (2001). *Sahih al-Imam Bukhārī*. Beirut: 2001. Retrieved from www.alдорар.net / 2015/07/ Book.sahih-AlBukhari.html
- Al-Dāyah, Fā'iz. (1996). *Ilmu Dilālah 'Arabiyy; Al-Nazariyah wa Taṭbīq*. Damsyik: Darul Fikr.
- Al-Fairuzabādī, M. Y. (1994). *Qamus a- Muhit*.Tahqiq. Muhammad Naim. Amman: Muassasah ar Risalah
- Al-Jurjāni, Abd Qāhir. (1987). *Dalāil al I'jāz*.Tahqiq: Riḍwān Dāyah dan Faiz Dāyah. Damsyik: Maktabah Sa'duddin.
- Al-Kabkabiyy, Raddād (2014). *Sūrah al Maṭar fī ash'ār al ḥudhaliyyin: Dirāsah Balāghiah Naqdiyyah*. Tesis Sarjana Universiti Ummul Qura; Arab Saudi.
- Al-Khālidi, S.A. (1983) *Nazariyah al-Taṣwīr al Fanni Fi al Qurān al Karīm 'inda Saiyid Qutb*. Ammān: Dar Furqan.
- Al-Khūli, M.A. (2001) *Ilmu al -Dilālah (ilmu makna)*. Amman: Dar al-Falāh.
- Al-Maarif. (2012). *Janji dalam al-Quran (Kajian Semantik atas Kata al-Wa'd, al-'Ahd dan al-Mithaq*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Al-Maydāni, Abd Rahmān (1992). *Amthāl al- Quran*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Mashri, Ali (2009). *Al-Furuq al-Lughawiyah fī al-'Arabiyah*. Amman: Dar Safa.
- Al-Munajjid, Muhammad. (1997). *At-Tarāduf fī al- Quran al-Karim; Baina Nazariyah wa Taṭbīq*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Qaṭṭān, M.K. (2000). *Mabāhith fī 'Ulum al- Qurān*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Shinqīthi, Muhammad Amīn. (2005). *Adhwā' al-bayan fī Idhāh al-Qurān bi al-Qurān*. Makkah: Dar 'Alam al-Fawaid.
- Al-Ṣuyūṭi, Jalāluddīn. (2008). *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*. Beirut: Muassasah al-Risālah

- Al-Ṭabari, Ibn Jarīr. (2001). *Jami'ul Bayan 'an Ta'wiil Aay al-Qurān*. Tahqiq: Ibn Abd Muhsin Turki. Cairo: Dar Hījr.
- Al-Tha'ālibi, A.M. (1998). *Fiqh al-lughah wa sir al-'Arabiyyah*. Beirut: Darul Kutub Ilmiah.
- Al-Wāhidi, Ali. (1991). *Asbābun Nuzūl*. Takhrij: 'Iṣām al-Ḥamidāni. Beirut: Mu'assasah Raiyān.
- Al-Zayn, Bassām. (1995). *Mu'jam Mufahras li Ma'ān al-Quran al-Karim*. Damsyik: Darul Fikr. A
- Al-Za'ārir, Ghālib. (2003). *Al-Mā' fi al-Quran al-Karīm*. Medina: Maktabah Dar Zaman.
- Al-Zamakhshari, M.U. (1992). *Asās Balāghah*. Beirut: Dar Nafāis
- Al-Zarkashi, Badr al-Dīn. (2008). *Al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Cairo: Dar al-Turath
- Anang, Santoso. (2014). *Jejak Halliday Dalam Linguistik Kritis dan Analisis Wacana Kritis*.
- Aiyub, Khalil Muhammad (2011). *Al-Maṭar wa al-Ghayth fi al-Qurān wa al-ḥadith: Dirāsah Uslūbiyah Balāghiah*. Retrieved From WWW.alukah.net
- Ba'albaki, Rūhi. (1995). *Al Mawreed - Modern Arabic to English Dictionary*. Beirut: Dar'Ilm li al-Malāyīn.
- Bakilla, M. H. Et. al .(1983). *Mu'jam Muṣṭalahāt fi 'ilm al-Lughah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Basmeih, Abdullah. (2007). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Bermaine, C dan Blane, R . (1997). *Ilmu Dilālah*. Terj: Nurul Huda, W. Benghazi: Darul Kutub Wataniah
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP
- Emīl, Ya'kūb. (1985). *Al-Mā'ajim Lughawiyah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar Ilm li almalāyīn.
- Firth, J.R. (1957). *Modes of Meaning. Papers in Linguistic (1934 - 1951)*. Oxford: Oxford University Press
- Jābir, Ṣāliḥ Mahdi. (2010). *Mu'jam Alfāz Maṭar*. Jurnal Ahlil Bayt, 7(10), 186-215
- Jāḥiz, Abū 'Usmān. (1995). *Al Bayān wa al-Tabyīn*. Damsyik: Darul Qalam
- Halliday, M.A.K. (Hasan, R. (1985). *Language, Context and Text: Aspect of Language in Social Semiotic Perspective*. Hong Kong: Oxford University Press

- Hasyim, Imran. (2014). *Semiotika Sosial sebagai alat analisis teks dalam penelitian komunikasi kualitatif*. Jurnal Ilmiah Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Vol 1 (01) 2 -10.
- Hussain, M.K. (2011). *The Expressive Terms Concerning the Rain in the Holy Quran*. Jurnal College of Education for Women, 22(1)
- Ibn ‘Asyūr, M.T. (1994). *Tafsir al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: Dār Tūnisiyah.
- Ibn Fāris, Ahmad. (1994). *Mu’jam Maqāyis fī al-Lughah*. Beirut: Darul Fikir.
- Ibn Kathīr, Imāduddīn. (2008). *Tafsīr al-Qurān al-Aẓīm*. Beirut: Darul Kutub Ilmiyah.
- Ibn Manẓūr. (1997). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Mu’assasah Tārikh al-‘Arabiyy.
- Khalaf, A.J. (2003). *Madkhal ilā al-Tafsīr wa ‘Ulūm al-Quran*. Kaherah: Darul Bayan.
- Khalid, Osman. (2015). *Kamus Besar Arab –Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khalil, K.B. (2010). *Al-Siyāq ‘Anmā’uhū wa Tatbiqātuhū fī al-Ta’bīr al-Qurānī*. Jilid (09) Bil. 2.
- Leech, G. (1981). *Semantics*. London: Longman
- Lyons, John. (1994). *Bahasa, Makna dan Konteks*. Penerjemah; Zahrah Abd Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Lyons, J. (1977). *Semantics*. London: Cambridge University Press.
- M. Bassām Rushdī. (1995). *Mu’jam Mufahras lima ‘ān al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Beirut: Darul Fikr.
- M.Quraish Shihab. (2002) *Tafsir Al-Mishbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Mat Taib, Pa. (2012). *Pemilihan Perkataan Dan Struktur Nahu Dalam Al-Quran Al-Karim: Analisis Surah Al-Fātiḥah*. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Marwan, M dan Mohammad, W. (2009). *Kajian Semantik dan Mu’jam ‘Arabi*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mohd Hakim, Siti Rasidah and Wan Sulong, Wan Muhammad and Othman, Mohd Sukki (2016) *Pengaruh konteks situasi terhadap variasi lafaz munāda Nabī Muhammad SAW dalam al-Quran*. Jurnal Kemanusiaan, 25 (1). pp. 48-58. ISSN 1675-1930
- Mohamed Daouod, Akram Zainalabidin Al-Tayyib, (2013) , *Siyāq al-Maqām wa Atharuhū fī Taujīh Dilālah al-Nāṣ - Dirāsah Tatbiqiyyah fī Tafsīr Al- Qurān al-Karim* , Journal of Science and Technology, 14 (1) ,pp:-
- Mujāhid, Karīm. (1985). *Al-Dilālah al-Lughawiyah ‘ind al-‘Arab*. Amman: Dar Safa.

- Mustafa. Muslim Et. Al., (2010). *Tafsīr Mawḍū' li Suwar al-Qurān al-Karīm*. Sharja: University of Sharja
- Nawal, A (2011) *Ṣurah Samā' wa al-Arḍ Fi al-Quran*, Nablus: An-Najāh National University.
- Nor Hashimah, Rusmadi B. (2008) *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: DBP
- Nurul, Zakirah. (2012, Disember). *Konsep Tadabbur al-Quran; suatu kupasan*. : Proceeding in International Seminar on Al-Quran in Comtemporany Society: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Samurrai, Fadhil. *Balāghah al-Kalimah*. (1998). Cairo: Darul Kutub Ilmiah
- Samurrai, Fadhil. *Al-Ta'bīr al-Qurāni*. (2006). Amman: Dar Ammar
- Saiyid, Qutb. (1992). *Fi Zilāl al- Qurān*. Cairo: Dar Syuruq
- Ṣoliḥ, Ṣubḥī (2009) *Dirasāt fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar Ilm Lil Malāyīn
- Song, Lichao. (2010). *The Role of Context in Discourse*. Journal of Language Teaching and Research. Vol. 1, No. 6, pp 876-879. November 2010 retrieved from www.academicpublication.com August 2017.
- Suyūṭī, Jalāludīn. (2002). *Lubāb al-Nuqūl Fi Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: Muassasah Kutub Thaḳāf iyah.
- Ṭalīb, Othman.(2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit UPM.
- Teun A. van Dijk, Context. *Towards a multi disciplinary theory*. Volume 1. Language, discourse and cognition.Retrieved from <http://www.isfla.org/Systemics/>
- Puteri Roslina Abdul Wahid “Definisi dan Konteks dalam Glosari Peristilahan” dalam Nor Hashimah, Rusmadi B. (2008) *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*.Kuala Lumpur: DBP M/S 195 - 211
- Tahani Salim. (2007). *Athar Dilālah al-Siyāq fi Taujīh Ma'ān al-Mutashābih al-Lafẓi fi Qasas al-Qurāni*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Ummul Qura, Arab Saudi.
- Toshihiko, Izutsu. (2008). *God and Man in the Qur'an, Semantics of the Qur'anic Wattanschauung*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Ullman, S. (1975). *Dawr al-kalimah fi al-lughah*. Penterjemah: Kamal Bashir. Egypt: Maktabah Shabab.
- Umar, Mukhtar. (1998). *Ilmu Dilālah*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub (Cetakan kelima)
- <http://qurancomplex.gov.sa/IdIndex/default.asp?job=wordlist&harf=24&page=23&l=ar> rb tarikh akhir akses 30 /5/ 2017
- <http://www.altafsir.com>

<http://www.maany.com>

